

SISTEM pemilihan murid - murid ke aliran sains dan sastra di tingkatan 4 dan 6 sedang dikaji semula, Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

'Saya sendiri akan memberi perhatian sepenuhnya untuk menjamin bahawa sistem yang berjalan itu tidak mensesatkan kebolehan murid-murid terutama dari sekolah yang kurang lengkap di kawasan-kawasan bandar,' tegas beliau.

Berucap di upacara penyampaian hadiah Sekolah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya, Dr. Mahathir menarik perhatian tentang beberapa sungutan yang ditimbulkan oleh orang ramai mengenai pemilihan murid-murid tersebut.

Mereka tidak puas hati dengan sistem yang berjalan sekarang dan meminta supaya perkara itu dikaji semula.

Kata Dr. Mahathir: 'Pada ketika ini Kementerian Pelajaran

Sistem pilih murid2 aliran sains, sastra di tingkatan 4 dan 6 dikaji

U. M. 15 SEPT 1974

sedar tentang sungutan-sungutan itu dan Kementerian tidaklah berdiam diri terhadap masalah ini.'

Menurut beliau, untuk mengadakan satu sistem pendidikan yang boleh memuaskan semua pihak bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi tidak mustahil untuk dicapai.

DASAR

Beliau memberi jaminan: 'Kementerian Pelajaran akan sentiasa menjadikan sistem pelajaran negara ini diterima oleh semua pihak dan tidak menyeleweng dari kehendak-kehendak dasar pelajaran kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru.'

Dr. Mahathir menarik perhatian tentang tujuan pelajaran yang berbeza-beza di kalangan ibubapa dan tidak semua murid mempunyai kebolehan yang sama.

Menurut beliau, perbezaan peribadi menjadi masalah pelajaran lebih kompleks. Murid-murid pula mempunyai kemahuannya yang tersendiri.

Dalam hubungan ini beliau memberitahu, jikalau murid-murid itu

diberi kebebasan sepenuhnya mereka mungkin memilih pelajaran yang mereka anggap senang, dan tidak mustahil ada yang tidak mahu bersekolah langsung.

'Oleh yang demikian kerajaan dan ibubapa seharusnya mempunyai sedikit sebanyak kuasa atau pengaruh bagi menentukan apakah jenis pelajaran untuk murid-murid yang masih muda, katanya.

Beliau kemudian mengumumkan peruntukan sebanyak \$210,000 untuk satu projek mengandungi 5 bilik darjah, 3 makmal sains tulin, 1 perpustakaan, pembesaran kantin dan 1 tempat basikal untuk sekolah tersebut.

Sementara itu, berucap merasmikan hari terbuka kolej ketiga Universiti Malaya pagi ini, Dr. Mahathir menyeru para pelajar universiti supaya memahami hasrat rakyat dan janganlah mengasingkan diri dari masyarakat.

Walaupun para pelajar mempunyai tanggungjawab tertentu dalam mencari ilmu pengetahuan, kehidupan mereka tidak semestinya

LIHAT MUKA 12
(Ruang 8)

DARI MUKA 1

terpisah dari masyarakat, katanya.

Dr. Mahathir menisfatkan hari terbuka itu sebagai satu lagi usaha para pelajar untuk mendamping masyarakat.

Cara demikian membolehkan masyarakat luar terutama ibubapa dan saudara-mara meninjau lebih dekat kehidupan dalam kampus serta melahirkan hubungan mesra.

"Ini adalah selaras dengan sikap dan pemikiran para pelajar dewasa ini untuk berdam-

ping rapat dengan rakyat dan menyelami masalah mereka," tambahnya.

Beliau yakin acara hari terbuka itu dapat "melenyapkan sangkaan-sangkaan yang kurang tepat mengenai kehidupan mahasiswa di universiti."

"Keraguan ibubapa mengenai pengaruh-pengaruh yang tidak diingini ke atas anak-anak mereka akan hapus setelah mereka melihat sendiri kegiatan-kegiatan yang dipamerkan," katanya.

Pilihan murid aliran sains, sastra dikaji semula

PETALING JAYA,
Ahad. — Kement-
terian Pelajaran se-
dang mengkaji sis-
tem mengalirkan
pelajaran ke jurusan
sains dan sastra di
Tingkatan Empat
dan Enam.

Menteri Pelajaran, Dr.
Mahathir bin Mohamad
menyatakan beliau sen-
diri akan memberi per-
hatian penuh bagi me-
nentukan sistem itu ti-
dak mensesiakan mu-
rid-murid terutama dari
sekolah yang kurang
lengkap di kawasan luar-
bandar.

Berucap di hari uca-
pan dan penyampaian
hadiah di Sekolah Sultan
Abdul Samad di sini be-
liau menyatakan, beber-
apa sungutan telah tim-
bul mengenal pemilihan
murid-murid ke aliran
sains dan sastra yang
berjalan sekarang.

"Orangramal merasa
tidak puashati dengan
sistem itu dan meminta
supaya dikaji semula.

"Pihaknya sedar ter-
hadap sungutan itu dan
tidak akan berdiam diri
terhadap masalah ter-
sebut," katanya.

Berbeza2

Menurutnya, kajian
dan ubahsual perlu di-
jalankan di bidang kari-
kulum, kaedah mengajar,
kakitangan dan beber-
apa aspek lain bertujuan
menjamin sistem pela-
jaran dapat memenuhi
kehendak negara.

Pelajaran mempunyai

tujuan yang berbeza-
beza di kalangan ibubapa
dan tidak semua murid
mempunyai kebolehan
yang sama dengan demik-
ian perbezaan peribadi
menjadikan masalah
pelajaran lebih rumit la-
gi.

"Murid - murid mem-
punyai kemahuan
yang tersendiri dan
jika diberi kebe-
basan penuh mereka
mungkin memilih pela-
jaran yang dianggap se-
nang," katanya.

Kerana itu, tegas
Menteri itu, kerajaan
dan ibubapa harus
mempunyai sedikit se-
banyak kuasa atau pe-
ngaruh bagi menentu-
kan apakah jenis pela-
jaran untuk murid-mu-
rid yang masih muda.

"Sikap demikian pen-
ting bagi menjamin sis-
tem pendidikan negara
diterima oleh
semua pihak disamping
itu memastikan ia tidak
menyeleweng dari ke-
hendak dasar pelajaran
kebangsaan dan dasar
ekonomi baharu," ka-
tanya.

Peranan

Dr. Mahathir menya-
takan di bawah Ran-
cangan Malaysia Kedua,
pelajaran mempunyai
peranan tertentu bagi
menyediakan tenaga
manusia sesuai untuk
usaha pembangunan so-
sial dan ekonomi.

"Ia juga dikehendaki
membena perpaduan ne-
gara yang kukuh, me-
ninggikan kadar daya
pengeluaran dan pen-
dapatan setiap rakyat,"
katanya.

Kepada para pelajar
beliau mengingatkan ba-
hawa kemajuan di bidang
akademik sahaja belum
dapat menjamin keja-
yaan hidup.

"Seseorang itu harus
juga mempunyai budi
pekerti dan tingkah laku
yang mulia dan boleh
diterima masyarakat.

"Mereka juga kendak-
lah mempunyai sifat
bertanggungjawab atas
segala perbuatan dan ju-
ga kepada negara disam-
ping hidup berbaik anta-
ra satu sama-lain," tegas-
nya.

Beliau mengumumkan,
Kementerian Pelajaran
telah meluluskan satu
projek membena lima
buah bilik darjah, tiga
makmal sains tuiln, se-
buah perpustakaan, pem-
besaran kantin dan se-
buah tempat basikal se-
muanya berharga \$210,000
bagi sekolah itu.